

EON akan dijadikan sogososha

SHAH ALAM 16 Mac —
Edaran Otomobil Nasional
Sdn. Bhd. (EON) akan di-
pelbagaikan kegiatannya
untuk dijadikan sebuah so-
gososha, kata Dato' Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari
ini.

Menurut Perdana Mente-
ri, EON akan menyertai
sektor baru selain dari ke-
giatan memasarkan kereta
seperti kewangan, pem-
buatan, perdagangan dan
sebagainya.

"EON akan menjadi sya-
rikat pelbagai kegiatan
atau sebuah sogososha se-
bagaimana syarikat besar
lain seperti Mitsubishi.
Kegiatannya tidak terhad
semata-mata kepada pen-
jualan kereta," jelasnya
dalam sidang akhbar di
pejabat Perusahaan Oto-
mobil Nasional Sdn. Bhd.,
(Proton) di sini pagi ini.

Sebelum itu beliau me-
rasmikan majlis pecah ta-
nah tapak projek peng-
eluaran komponen enjin
dan pemasangan transmisi
kereta Proton Saga di sebe-
lah kilang kereta nasional
yang ada sekarang.

Dato' Sri Dr. Mahathir
yakin EON akan menjadi
sebuah sogososha yang
berjaya kerana ia mempun-
yai pasukan pengurusan
yang inovatif.

"Tidak seperti Proton,
EON mencatatkan keun-
tungan sejak dari tahun
pertama operasinya lagi. Ia
adalah sebuah syarikat
yang inovatif," ujarnya.

Beliau bagaimanapun
mengingatkan pengurusan
EON supaya jangan terbu-
ru-buru dalam usaha
mempelbagaikan operasi-
nya itu kerana tidak mahu
syarikat itu terlanjur.

Dato' Sri Dr. Mahathir
juga menyatakan, EON
akan disenaraikan di Bursa
Saham Kuala Lumpur ti-
dak lama lagi.